



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**SUATU TINJAUAN MENGENAI MINAT MEMBACA
DAN BAHAN-BAHAN YANG DIBACA OLEH PELAJAR-
PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DESA DI
SEMENANJUNG MALAYSIA**

MOHD ZAINUDDIN BIN HASHIM

FPP 1982 3

**SUATU TINJAUAN MENGENAI MINAT MEMBACA
DAN BAHAN-BAHAN YANG DIBACA
OLEH PELAJAR-PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DESA
DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

Mohd Zainuddin bin Hashim

UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA



**SUATU TINJAUAN MENGENAI MINAT MEMBACA
DAN BAHAN-BAHAN YANG DIBACA
OLEH PELAJAR-PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DESA
DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

oleh

**Mohd Zainuddin bin Hashim
(B.A. (Indon), Sijil Pendidikan)**

**Sebuah tesis diajukan kepada
Fakulti Pengajian Pendidikan,
Universiti Pertanian Malaysia
bagi memenuhi sebahagian daripada
keperluan kelulusan ijazah**

**MASTER SAINS
(Sosiologi Pendidikan)**

Mao 1982



Tesis yang dilampirkan bersama ini, berjudul "Suatu Tinjauan Mengenai Minat Membaca dan Bahan-bahan Yang Dibaca Oleh Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Desa Di Semenanjung Malaysia" yang disediakan dan dikemukakan oleh Mohd. Zainuddin bin Hashim bagi memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat untuk ijazah Master Sains, dengan ini diterima dan dipersetujui.



(Dr. Kamaruddin Haji Kachar)
Pengerusi.



(Prof. Ishak Haron)
Pemeriksa Luar.



(Encik Norhalim Hj. Ibrahim)
Pemeriksa Dalam.

Tarikh: 18/6/82

PENGHARGAAN

Dalam penyelidikan dan penyediaan tesis ini, saya banyak terhutang budi kepada banyak institusi dan pihak perseorangan. Pertama sekali saya ingin merakamkan penghargaan yang tinggi kepada Universiti Pertanian Malaysia kerana telah membiayai saya dalam menjalani program Master Sains. Penghargaan juga saya tujukan kepada Jawatankuasa Ijazah Lanjutan Fakulti, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Pertanian Malaysia, kerana telah mempersetujui tajuk dan cadangan penyelidikan ini.

Kepada Kementerian Pelajaran Malaysia, khususnya Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran, saya merakamkan ucapan terima kasih kerana membenarkan saya menjalankan penyelidikan di sekolah-sekolah. Rakaman terima kasih juga saya tujukan kepada Pengarah Pelajaran Negeri Perak kerana membenarkan saya menjalankan penyelidikan di lima buah sekolah menengah desa di daerah-daerah Larut dan Matang, Selama, dan Kerian. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada guru-guru besar, penolong-penolong kanan serta guru-guru perpustakaan sekolah-sekolah berikut:

1. Sekolah Menengah Tengku Menteri, Changkat Jering,
2. Sekolah Menengah Mudzaffar Shah, Semanggol,
3. Sekolah Menengah Alang Iskandar, Bagan Serai,

4. Sekolah Menengah Dato Kamaruddin, Batu Kurau, dan
5. Sekolah Menengah Dato Haji Hussein, Selama,

kerana sudi membenarkan sebahagian daripada pelajar-pelajar Tingkatan Empat dan Lima mereka menjadi oontohan kajian dan juga membenarkan saya menjalankan penyelidikan di perpustakaan sekolah-sekolah tersebut. Tidak dilupakan uoapan terima kasih saya tujukan kepada sekolah-sekolah lain yang terlibat di dalam penyelidikan ini.

Saya juga telah terhutang budi kepada ramai orang dalam menyempurnakan tesis ini. Di sini saya ingin merakamkan uoapan terima kasih kepada semua pihak. Uoapan terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan kepada Enoik Nerhalim bin Haji Ibrahim iaitu penyelia utama saya dan Puan Rohani Ahmad Termizi, pembantu penyelia, yang banyak sekali membantu dan membimbing saya dari awal hinggalah tersempurnanya tesis ini. Tidak lupa juga saya merakamkan uoapan terima kasih kepada Dr. Harun bin Derauh, bekas pensyarah di Fakulti Pengajian Pendidikan yang banyak sekali membimbing saya dalam bidang metodologi dan penganalisisan data dan Cik Saodah binti Wok, pensyarah di Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan, yang membantu saya dalam bidang statistik. Bantuan dan bimbingan mereka yang tidak ternilai harganya saya sanjung tinggi.

Akhir kata, ucapan terima kasih kepada semua teman dan kawan, serta individu-individu lain yang seora tidak langsung membantu dan mendorong saya menyiapkan tesis ini. Saya harap kajian ini akan dapat memberi sumbangan kepada masyarakat. Segala kekurangan dan kelemahan yang terdapat di dalam tesis ini adalah bertanggung kepada saya sendiri.

Mohd Zainuddin bin Hashim

Tarikh: 15hb Mac, 1982.



SENARAI KANDUNGAN

	<u>Halaman</u>
PENGHARGAAN	iii - v
SENARAI KANDUNGAN	vi - ix
SENARAI RAJAH DAN JADUAL	x - xiii
ABSTRACT	xiv - xv
BAB 1 - PERNYATAAN MASALAH	1
Pengenalan	1
Pentingnya Penyelidikan Membaca	1
Pentingnya Membaca	3 - 6
Masalah Membaca Di Sekolah-sekolah Seme-	
nanjung Malaysia	6 - 9
Objektif Kajian	9 - 11
Definisi Operasional	11 - 15
Hipotesis-hipotesis	16 - 17
Pentingnya Kajian	17 - 18
BAB 2 - TINJAUAN TERHADAP PENYELIDIKAN YANG	
BERKAITAN	19
Penyelidikan Membaca	19 - 20
Minat Membaca	20 - 23
Bahan-bahan Bacaan	23 - 25
Pembacaan Dalam Masyarakat Melayu	25 - 27
Penggunaan Perpustakaan	27 - 29
BAB 3 - METODOLOGI DAN PROSEDUR	30
Rekabentuk Penyelidikan	30
Prosedur Penyelidikan	31
Sampling	31 - 33

	<u>Halaman</u>
Soalselidik dan Kajian Printis	33 - 37
Administrasi Soalselidik	37 - 40
Soalselidik Perpustakaan	40 - 42
Observation-interview Kedai Buku	42 - 43
Pemerhatian Terhadap Kedatangan Pelajar- pelajar Di Perpustakaan	43 - 44
Penganalisan Data	44 - 46
BAB 4 - HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	47
1. Hasil Penyelidikan dari Soalselidik yang Dijalankan	47
Jantina dan Ras	47 - 49
Latar Belakang Pendidikan Sekolah Rendah Pelajar-pelajar	49 - 52
Latar Belakang Pendidikan Ibu Bapa	52 - 54
Minat Membaca	55
Lama Masa Membaca Ibu Bapa	55 - 57
Lama Masa Membaca Pelajar-pelajar	57 - 66
Tujuan Pelajar Membaca	66 - 68
Kekerapan Membaca dalam Bahasa- bahasa Tertentu	68 - 70
Faktor Motivasi Membaca	70 - 71
Cara Pelajar Memilih Bahan Bacaan	71 - 72
Kedatangan Pelajar-pelajar Ke Perpustakaan	72 - 75
Tujuan Pelajar Ke Perpustakaan Sekolah	76 - 77
Lawatan Ke Perpustakaan Awam ..	77 - 79

	<u>Halaman</u>
Kedai Buku Desa	80 - 81
Butir-butir Mengenai Bahan-bahan	
Bacaan Yang Dibaca	82
Bahan Bacaan Yang Dibaca	82 - 85
Koleksi Buku Bukan Teks Di Rumah	85 - 86
Langganan Surat Khabar dan Majalah	86 - 89
Jenis Bahan Bacaan Yang Terkumpul	
Di Rumah	89 - 90
Sumber-sumber Bahan Bacaan	90 - 92
2. Hasil Pemerhatian Terhadap Perpustakaan Sekolah-sekolah Menengah Desa	93 - 98
3. Hasil Pemerhatian Terhadap Kedai-kedai Buku Desa	99 - 101
BAB 5 - PENUTUP	102
Ringkasan Hasil Penyelidikan	102 - 104
Cadangan-cadangan	104 - 117
Kesimpulan	117 - 118
BIBLIOGRAFI	119 - 125
LAMPIRAN A - Soalselidik Mengenai Minat Membaca dan Bahan-bahan Yang Dibaca	126 - 137
LAMPIRAN B - Soalselidik Mengenai Perpustakaan Sekolah-sekolah Desa	138 - 143
LAMPIRAN C - Pemerhatian Terhadap Kedai-kedai Buku Desa	144 - 147
LAMPIRAN D - Perpustakaan Sekolah Menengah Desa Yang Terlibat Dalam Penyelidikan ..	148

	<u>Halaman</u>
LAMPIRAN E.1 Surat Khabar Yang Dijual Di Kedai Buku Desa	149
LAMPIRAN E.2 Jenis Majalah dan Buku (Bukan Teks) Yang Dijual Di Kedai Buku Desa ..	150
LAMPIRAN F.1, F.2, F.3 dan F.4 Kekerapan Kehadiran Pelajar-pelajar Di Perpustakaan Sekolah Dato Kamarud- din, Batu Kurau, Perak mulai 11/4 hingga 28/5/81	151 - 154
LAMPIRAN G - Peta Menunjukkan Lokasi Daerah- daerah Larut dan Matang, Selama dan Kerian Di Semenanjung Malaysia	155
LAMPIRAN H.1 Surat Kebenaran Menyelidik Di Sekolah dari Bahagian Perancangan dan Penye- lidikan Pelajaran, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur..	156
LAMPIRAN H.2 Surat Kebenaran Membuat Penyelidikan dari Jabatan Pelajaran Perak, Ipoh	157

SENARAI RAJAH DAN JADUAL

<u>RAJAH-RAJAH:</u>	<u>Halaman</u>
RAJAH-1 Contohan Sekolah Menengah Kebangsaan Dan Keramaian Pelajar Tingkatan Empat Dan Lima Lelaki Dan Perempuan Dari Aliran Sains Dan Sastera	38
RAJAH-2 Contohan Pelajar Tingkatan Empat Dan Lima, Lelaki Dan Perempuan Dari Aliran Sains Dan Sastera	39
 <u>JADUAL-JADUAL:</u>	
JADUAL 1 Taburan Contohan Mengikut Jantina Dan Aliran Kelas (Sains Dan Sastera)	48
JADUAL 2 Taburan Contohan Mengikut Tingkatan Kelas	48
JADUAL 3 Taburan Contohan Mengikut Ras	49
JADUAL 4 Taburan Contohan Mengikut Pendidikan Sekolah Rendah	50
JADUAL 5 Bahasa-bahasa Yang Boleh Pelajar Baca Dengan Baik	51
JADUAL 6 Latar Belakang Pendidikan Ibu Bapa	52
JADUAL 7 Bahasa-bahasa Yang Boleh Ibu Bapa Baca Dan Faham	53
JADUAL 8 Lama Ibu Bapa Membaca	56
JADUAL 9 Lama Pelajar Membaca	57
JADUAL 10 Lama Pelajar-pelajar Lelaki Dan Perempuan Membaca Buku Teks	59
JADUAL 11.1 Perbezaan Lama Membaca Buku Teks Di Antara Pelajar-pelajar Desa Lelaki Dengan Perempuan	60

<u>JADUAL-JADUAL:</u>	<u>Halaman</u>
JADUAL 11.2 Perbezaan Lama Membaca Buku Bukan Teks Di Antara Pelajar-pelajar Desa Lelaki Dengan Perempuan	60
JADUAL 11.3 Perbezaan Lama Membaca Buku Teks Di Antara Pelajar-pelajar Desa Sains Dengan Sastera	61
JADUAL 11.4 Perbezaan Lama Membaca Buku Bukan Teks Di Antara Pelajar-pelajar Desa Sains Dengan Sastera	61
JADUAL 12.1 Lama Pelajar Membaca Majalah Dan Surat Khabar	62
JADUAL 12.2 Perbezaan Lama Membaca Majalah Di Antara Pelajar-pelajar Desa Lelaki Dengan Perempuan	63
JADUAL 12.3 Perbezaan Lama Membaca Surat Khabar Di Antara Pelajar-pelajar Desa Lelaki Dengan Perempuan	64
JADUAL 12.4 Perbezaan Lama Membaca Majalah Di Antara Pelajar-pelajar Desa Aliran Sains Dengan Sastera	64
JADUAL 12.5 Perbezaan Lama Membaca Surat Khabar Di Antara Pelajar-pelajar Desa Aliran Sains Dengan Sastera	65
JADUAL 13 Tujuan Pelajar Membaca	66
JADUAL 14 Sebab-sebab Pelajar Membaca Buku Atau Bahan Bacaan Lain Dalam Bahasa Inggeris	67
JADUAL 15.1 Kekerapan Membaca Buku Bukan Teks Dalam Bahasa-bahasa Tertentu	68
JADUAL 15.2 Kekerapan Membaca Majalah Dalam Bahasa-bahasa Berikut	69

<u>JADUAL-JADUAL:</u>	<u>Halaman</u>
JADUAL 15.3	Kekerapan Membaca Surat Khabar Dalam Bahasa-bahasa Berikut 69
JADUAL 16.1	Motivasi Membaca Pelajar-pelajar .. 70
JADUAL 17	Cara Pelajar-pelajar Memilih Bahan Bacaan 72
JADUAL 18.1	Kedatangan Pelajar-pelajar Ke Perpustakaan Sekolah 72
JADUAL 18.2	Peratus Kehadiran Pelajar-pelajar Di Perpustakaan Sekolah Dato Kamaruddin, Batu Kurau, Perak Mulai 11/4/1981 Hingga 28/5/1981 73
JADUAL 18.3	Perbezaan Kali Melawat Perpustakaan Sekolah Desa Di Antara Pelajar-pelajar Desa Lelaki Dengan Perempuan .. 74
JADUAL 18.4	Perbezaan Kali Melawat Perpustakaan Sekolah Desa Di Antara Pelajar-pelajar Desa Sains Dengan Sastera .. 75
JADUAL 19	Tujuan Pelajar Ke Perpustakaan Sekolah 76
JADUAL 20	Jumlah Buku Bukan Teks Yang Dipinjam Dari Perpustakaan Sekolah 77
JADUAL 21	Lawatan Ke Perpustakaan Awam 78
JADUAL 22.1	Kekerapan Ke Kedai Buku 80
JADUAL 22.2	Pendapat Tentang Kedai Buku Desa .. 80
JADUAL 23.1	Buku-buku Bukan Teks Yang Gemar Dibaca Oleh Pelajar-pelajar Desa .. 82
JADUAL 23.2	Buku-buku Bukan Teks Yang Gemar Dibaca Oleh Pelajar-pelajar Aliran Sains Dan Sastera 82

<u>JADUAL-JADUAL:</u>	<u>Halaman</u>
JADUAL 23.3 Perbezaan Gemar Membaca Buku-buku Bukan Teks Di Antara Pelajar-pelajar Desa Aliran Sains Dengan Sastera	83
JADUAL 24 Jenis Majalah Yang Gemar Dibaca Oleh Pelajar-pelajar Desa	84
JADUAL 25 Tajuk-tajuk Surat Khabar Yang Gemar Dibaca Oleh Pelajar-pelajar Desa ..	85
JADUAL 26 Koleksi Buku Bukan Teks Di Rumah ..	85
JADUAL 27 Langganan Surat Khabar Bahasa Malaysia Dan Bahasa Inggeris	87
JADUAL 28 Jumlah Majalah Yang Dilanggan Di Rumah	88
JADUAL 29 Jenis Bahan Bacaan Yang Terkumpul Di Rumah	89
JADUAL 30 Sumber-sumber Bahan Bacaan	90

.....

ABSTRACT

The aim of this survey research is to extract information about the reading interest of and the materials used by rural secondary school students in Peninsular Malaysia.

The districts of Larut and Matang, Selama, and Kerian have been selected as a sampling area. The sampling unit is the school and the survey questionnaire has been administered to 500 students from five selected schools, according to stratified random sampling procedure. This stratified random sampling design has been an attempt to examine, besides other variables, the probable functional relationship between reading interests and the materials the rural students read as well as library utilization.

The findings reveal that the students read regularly for examinations and their reading tend to be confined to text books. Rural students also read more of reading materials in Bahasa Malaysia than in any other languages. Materials in English are read mainly to improve competence in the language.

The response of rural secondary students toward the school library is quite discouraging. This can be seen in their poor attendance and is reflected by the fact that their purpose of

visiting the school library is mainly because it is an extension of their academic activity.

The findings also show that there is no public library within the vicinity. The rural book shops are small and could not supplement the needs of the students' reading requirements.

The findings on reading interests in terms of subject matter have shown that the students' choice of topics is limited and that non-science subjects are most favoured.

The results of this survey indicate that several problems need to be solved if the interest in reading is to be extended beyond 'reading for the sake of examinations'. The rural students must also be made aware of the importance of the school library and the English Language in promoting reading.



BAB 1

PERNYATAAN MASALAH

Pengenalan

Pentingnya Penyelidikan Membaca

Penyelidikan mengenai minat membaca yang dikaji dari sudut sosiologi kurang jika dibandingkan dengan penyelidikan dari sudut pendidikan dan psikologi. Steinberg (1972:745) menjelaskan bahawa kebanyakan penyelidikan mengenai perkara ini adalah seringkali diarahkan keseluruhannya terhadap keperluan perpustakaan, dan keperluan pembacaan sebenarnya adalah diketepikan. Selanjutnya ia menyatakan bahawa abstrak dan indeks di perpustakaan serta maklumat-maklumat lain telah menunjukkan yang penyelidikan terhadap bacaan semakin bertambah. Pertambahan ini ketara sekali di negara-negara membangun.

Di Malaysia, dorongan menjalankan penyelidikan di dalam bidang ini ialah kerana:

- a. bertambahnya bilangan murid-murid yang tidak boleh membaca atau tidak betul membaca,
- b. hasil daripada kenaikan darjah secara automatik yang menyebabkan ramai murid-murid tidak boleh membaca dengan betul,
- c. kadar keociran yang tinggi di kalangan murid-murid

miskin khususnya yang tinggal di desa,

- d. walaupun bahan bacaan dalam bahasa Malaysia bertambah sejak terlaksananya bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar, adalah didapati bahawa bahan-bahan bacaan tersebut kebanyakannya tidak sesuai dengan minat dan keperluan pelajar-pelajar,
- e. kemerosotan prestasi bacaan dalam bahasa Malaysia,
- f. bertambahnya bilangan perpustakaan sama ada perpustakaan sekolah atau awam, dan
- g. masalah murid-murid tidak gemar membaca (Laporan Jawatankuasa Kabinet)¹.

Menurut Bamberger (1975:12), kita hanya mungkin dapat menanam minat dan tabiat membaca sementara waktu sahaja, tetapi amatlah sukar menanam minat dan tabiat membaca secara efektif seumur hidup. Faktor-faktor yang menyebabkan terjadinya demikian mengikutnya lagi ialah:

- a. Bacaan dalam zaman kanak-kanak memenuhi kehendak dan minat berbagai fasa perkembangan secara berat sebelah. Apabila minat ini berubah, kanak-kanak akan terus ber-

¹ Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur, 1979:210.
(selepas ini laporan di atas akan disebut Laporan Jawatankuasa Kabinet).

henti membaca. Dengan lain perkataan, motivasi untuk membaca adalah lemah.

- b. Bagi kebanyakan kanak-kanak, membaca adalah berkait rapat dengan aktiviti dan kehendak sekolah. Selepas persekolahan, mereka berhenti membaca kerana 'kehidupan' sekarang adalah berlainan dengan semasa mereka bersekolah dahulu.
- c. Media hiburan dan pendidikan telah menggantikan minat membaca.

Oleh itu Bamberger mencadangkan bahawa sekiranya kita hendak membentuk tabiat membaca, kita mestilah meneroka lebih jauh akan kehendak dan minat kanak-kanak mengikut fasa-fasa perkembangan mereka yang berbagai dan menggalakkan mereka membaca buku-buku yang sesuai dengan kemahuan dan perubahan intelektual serta keadaan persekitarannya.

Pentingnya Membaca

Persekitaran sekolah ialah tempat yang paling sesuai sekali untuk menanam minat membaca kerana keperluan membaca adalah senantiasa dirasakan oleh pelajar-pelajar. Semasa kanak-kanak membaca dan menggunakan buku-buku atau bahan-bahan bercetak lain untuk menyelesaikan masalah akademik atau memilih buku-buku untuk

dijadikan bahan bacaan hiburannya, maka pelajar-pelajar itu dengan cara tidak disedari akan menanam tabiat dan minat membaca dan dengan demikian ia mungkin akan terus membaca dan belajar sepanjang hayatnya.

Huges (1973:11) telah menjelaskan bahawa:

'Of all the skills taught at school, reading can be regarded as a tool skill, in the sense that a child's progress in other subjects will depend considerably on his reading ability. It cannot be over-emphasised, therefore, that reading failure is a major factor in educational failure. Reading has come to hold the most significant place in education as a means of communication in a highly literate society.'

Membaca dan buku sangatlah penting hari ini. Tamat dari persekolahan sahaja tidaklah menukupi bagi seseorang kerana kemajuan sains dan teknologi berkembang pada kadar yang cepat. Oleh itu peranan membaca sebagai pendidikan-sendiri sepanjang hayat (lifelong self-education) sangatlah penting.

Bamberger (1975:3) berpendapat bahawa membaca dapat memenuhi minat, keinginan dan aspirasi individu melalui pemilihan bahan bacaan. Seseorang individu dapat dibentuk oleh buku yang dibacanya: buku juga dapat mengukuhkan keupayaan kritikalnya dan ia boleh memilih dengan bijak bahan-bahan yang terdapat daripada massa media.

Jika dibandingkan dengan filem, radio dan televisyen, buku

mempunyai kelebihan yang unik (Harris 1969). Katanya, pembaca sukar memilih bahan-bahan yang dikehendaknya melalui filem, radio dan televisyen, tetapi ia bebas memilih bahan-bahan bacaan terbaik yang sesuai bagi kehendaknya melalui buku: Ia bebas membaca dengan perlahan, mengulang semula, berhenti dan berfikir tentang apa yang dibacanya. Fleksibiliti ini membolehkannya memilih sama ada untuk tujuan pengetahuan atau hiburan.

Membaca dapat memperkaya kecekapan dan skil bahasa serta pengetahuan seseorang. Rol prominen membaca dalam kehidupan hari-hari adalah nyata. Seseorang mestilah membaca dengan luas sekiranya ia hendak meluaskan pengetahuan, mengembangkan konsep-konsep baru, menyelesaikan masalah-masalah dan memperolehi cara pemikiran yang kemaskini. Semua ini adalah penting untuk memastikan pertumbuhan dan penyesuaian di dalam dunia hari ini.

'Buku untuk semua' telah dipilih sebagai slogan kata bagi Tahun Buku Antarabangsa 1972, (International Book Year, 1972). Tujuan utama memilih tahun 1972 sebagai Tahun Buku Antarabangsa ialah untuk menarik perhatian dunia terhadap peranan buku-buku dalam masyarakat dan sumbangan yang boleh diberikan terhadap individu dan kemajuannya. Buku hanya dapat memberi sumbangan kemajuan kepada individu sekiranya ia boleh didapati, mudah diperolehi dan dibaca. Oleh yang demikian, aktiviti-aktiviti

yang diadangkan oleh Tahun Buku Antarabangsa termasuklah menggalakkan tabiat membaca, perkembangan perpustakaan dan penggunaan buku dalam perkhidmatan pendidikan, kefahaman antarabangsa dan kerjasama keamanan.

Masalah Membaca Di Sekolah-sekolah Semenanjung Malaysia

Ada banyak sebab me bertambah di sekolah-sekolah Semenanjung Malaysia hari ini. Salah satu daripadanya ialah masalah pelajar-pelajar tidak gemar membaca seperti yang telah dijelaskan di dalam Laporan Jawatan-kuasa Kabinet (1979:210). Oleh itu tidaklah hairan sekiranya ramai pelajar gagal di dalam peperiksaan disebabkan kegagalan mereka membaca

Rancangan Malaysia Ketiga (1979-80:467) melaporkan bahawa kadar keoiciran yang tinggi terdapat di kalangan pelajar-pelajar miskin terutama yang tinggal di kawasan desa. Pelajar-pelajar di bandar memperolehi keputusan yang lebih baik di dalam peperiksaan awam seperti Peperiksaan Penilaian Darjah Lima, Sijil Rendah Pelajaran, Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Persekolahan jika dibandingkan dengan pelajar-pelajar desa. Ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar di bandar lebih 'berpengetahuan' jika dibandingkan dengan pelajar-pelajar desa. Salah

satu sebab ialah kerana kadar pembacaan yang berlainan di antara kedua-dua kawasan itu.

Laporan Jawatankuasa Keciciran¹ (1973: Para 47) menyatakan bahawa perkhidmatan perpustakaan di sekolah-sekolah hari ini adalah terbiar sahaja di kebanyakan sekolah terutama di kawasan-kawasan desa. Ini mengikut Laporan itu akan mengakibatkan pelajar-pelajar desa kurang berminat untuk membaca, yang akan menyebabkan pula pencapaian yang rendah dalam pelajaran dan seterusnya akan menawarkan semangat pelajar-pelajar desa belajar.

Sesebuah perpustakaan yang baik, tersusun dan terkawal serta mempunyai buku-buku dan bahan bacaan lain yang terpilih akan memberi sumbangan yang besar kepada pendidikan. Tetapi di Malaysia, perkhidmatan perpustakaan awam tidaklah mencukupi dan hanya berkhidmat sebagai 'antiquated subscription libraries to non-lending libraries' (Samy dan Thomas, 1972: 73-76).

Selain daripada kelemahan perpustakaan, kelemahan membaca menurut Katni (1980:40) adalah kerana sekolah-sekolah di Malaysia cuma menitikberatkan skil membaca dan kurang berperanan di

¹Laporan Jawatankuasa Pegawai-pegawai Yang Dilantik Oleh Kabinet Untuk Mengkaji Syor-syor Kajian Keciciran, 1973.
(Selepas ini laporan di atas akan disebut Laporan Jawatankuasa Keciciran).

dalam penyediaan tabiat membaca atau minat membaca. Oleh itu katanya siapakah yang dapat menentukan bahawa kebolehan membaca seseorang murid itu boleh melahirkan suatu kebiasaan gemar membaca apabila ia meninggalkan bangku sekolah nanti. Tegasnya, salah satu daripada keperluan untuk menanam semangat gemar membaca ialah adanya bahan-bahan bacaan yang cukup - buku, majalah dan surat khabar - untuk dibaca di mana sahaja. Sambungnya lagi, kita patut menyedari bahawa televisyen, radio, keset, filem dan punca-punca hiburan ciptaan teknologi abad ke-20 lain itu begitu besar pengaruhnya dan merupakan saingan yang hebat dalam usaha mengujudkan kegemaran membaca di kalangan kanak-kanak sekolah di Malaysia.

Selain daripada faktor di atas, keadaan literasi berbagai bahasa (multi-lingual) di Malaysia juga memberi masalah terhadap bacaan kerana menurut Lim Teh Eng (1974:9) adalah sukar bagi pelajar-pelajar hendak memilih bahan-bahan bacaan yang hendak dibacanya sebab bahan bacaan yang diminatinya itu ada kalanya ditulis dalam bahasa yang ia sendiri tidak dapat menguasainya dengan baik.

Oleh itu untuk melahirkan kemahiran membaca, Bullock (1975) menyarankan tiga cara:

1. Murid-murid perlu dapat membaca bagi memenuhi keperluan kurikulum sekolah.